



SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL



LAPORAN TAHUNAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2006

ASN

Amanah Saham Nasional Berhad
(47457-V)
anak syarikat milik penuh

PNB

Permodalan Nasional Berhad
(38218-X)



Pemegang-pemegang unit Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Sekim Amanah Saham Nasional (ASN) yang dihormati, Amanah Raya Berhad (ARB) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dan ASN, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB dan ASN bagi tahun berakhir 31 Disember, 2006.

ULASAN PASARAN Tinjauan Pasaran Modal

Dalam tahun kewangan yang berakhir 31 Disember, 2006, petunjuk utama Bursa Malaysia iaitu Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 21.83% daripada paras 899.79 mata pada 31 Disember, 2005, kepada 1,096.24 mata pada 31 Disember, 2006, disebabkan oleh peningkatan nilai matawang Ringgit, keuntungan korporat yang bertambah baik serta aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A). Dalam jangka masa tersebut, paras tertinggi KLCI adalah pada paras 1,101.70 mata dicatatkan pada 11 Disember, 2006, manakala paras terendah pula adalah 886.48 mata dicatatkan pada 15 Jun, 2006.

Di awal tempoh tinjauan, pasaran saham telah merekodkan peningkatan yang agak baik disebabkan oleh jangkaan terhadap peningkatan nilai matawang Ringgit yang telah menyebabkan pelabur khususnya pelabur asing membeli aset berkaitan Ringgit. Ini secara tidak langsung memberi kesan kenaikan terhadap pasaran saham tempatan. Selain daripada itu, jangkaan bahawa kadar faedah di Amerika Syarikat telah mencapai tahap tertingginya juga dikenalpasti antara faktor yang mendorong kenaikan pasaran saham tempatan. Berikutan daripada itu, KLCI telah mencatatkan peningkatan kepada 929.39 mata pada 6 Februari, 2006, berbanding 899.79 mata pada 31 Disember, 2005. Selain daripada itu, pengumuman Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) telah merancakkan minat pelabur terhadap pasaran tempatan sehingga KLCI melonjak ke paras 966.88 mata pada 5 Mei, 2006. Walaubagaimanapun, prestasi KLCI kembali terjejas pada pertengahan Mei, 2006, seiring dengan penurunan di pasaran global dan serantau disebabkan oleh kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat sebanyak 25 mata asas dari 4.75% kepada 5.00% dan kenaikan harga minyak mentah sedunia melepasi USD70 satu tong. Berikutan itu, KLCI telah menurun kepada paras 886.48 mata pada 15 Jun, 2006 atau penurunan sebanyak 8.32% daripada paras tertinggi 966.88 mata pada 5 Mei, 2006. KLCI telah ditutup pada paras 914.69 mata pada 30 Jun, 2006.

Pada setengah tahun kedua, KLCI telah menurun kepada paras di bawah 900 mata pada 17 Julai, 2006. Penurunan ini dipengaruhi oleh sentimen terhadap program nuklear Korea Utara, kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia dan konflik di Timur Tengah. Walaubagaimanapun, sentimen pelabur kembali pulih bermula awal Oktober, 2006 berikutan sentimen positif yang dirangsang oleh keyakinan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kenaikan dalam pasaran saham tempatan ialah pengumuman RM15 billion projek untuk RMK-9, peningkatan harga minyak sawit dari RM1,400 satu tan kepada RM1,900 satu tan, penurunan harga minyak mentah di pasaran dunia di bawah USD70 satu tong dan kemasukan pelabur asing yang berterusan ke dalam pasaran saham. Pada penghujung tempoh tinjauan, KLCI ditutup pada paras 1,096.24 mata, kenaikan sebanyak 196.45 mata atau 21.83% berbanding tempoh awal tinjauan iaitu 899.79 mata pada 31 Disember, 2005.

Prestasi pasaran wang bagi tempoh ulasan dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah. Kadar Dasar Semalaman meningkat sebanyak 0.50% bagi sepanjang tahun

2006 kepada 3.50%, berbanding 3.00% pada 31 Disember, 2005. Purata wajaran harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman bergerak dalam julat antara 2.98% - 3.56% (Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)).

Prospek Ekonomi dan Pasaran Modal

Ekonomi dunia dijangka akan terus berkembang pada tahun 2007 dengan disokong oleh kadar pertumbuhan ekonomi besar dunia, seperti Amerika Syarikat, Jepun dan China yang dijangka berkembang pada kadar 2.90%, 2.10% dan 10.00% (Sumber : International Monetary Fund). Ekonomi negara pula dijangka akan berkembang pada kadar 6.00% (Sumber: BNM). Pertumbuhan ekonomi negara akan didorong oleh pelaksanaan projek di bawah RMK-9, Tahun Melawat Malaysia 2007, permintaan luar negara terhadap produk tempatan yang meningkat, harga pasaran komoditi seperti minyak sawit yang mengalakkan (RM1938.50 satu tan pada 9 Januari, 2007), penurunan harga minyak mentah dunia (purata USD 56.72 satu tong untuk 2007 berbanding purata USD66.25 satu tong untuk 2006) serta keadaan perdagangan serantau yang bertambah baik.

Pelaburan sektor swasta dijangka akan terus memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2007. Di antara sektor yang dikenalpasti mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara adalah seperti sektor pembinaan berikutan pelaksanaan projek infrastruktur serta sektor perkhidmatan berdasarkan jangkaan kehadiran pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia serta sektor peladangan di mana harga minyak sawit diunjurkan akan berada pada paras RM2,000 satu tan pada tahun 2007.

SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

LAPORAN PENGURUS

KATEGORI TABUNG

Ekuiti.

JENIS TABUNG

Pendapatan.

OBJEKTIF TABUNG

Objektif Tabung ASB adalah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit Tabung ASB di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung ASB adalah untuk melabur di dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti-sekuriti saham yang disebut harga di Bursa Malaysia, sekuriti-sekuriti yang tidak disebut harga, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan oleh Suratikatan.

PRESTASI TABUNG ASB

Pendapatan

Tabung ASB telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang unit, untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006.

Pengagihan Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, Tabung ASB telah memperuntukkan sebanyak RM3,492.06 juta (2005: RM3,026.62 juta) untuk pembayaran pengagihan pendapatan iaitu bersamaan dengan 7.30 sen seunit (2005: 7.25 sen seunit). Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minimum bulanan

yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh kewangan tersebut.

Bonus

Pada tahun ini, Permodalan Nasional Berhad telah memperuntukkan sebanyak RM400.89 juta (2005: RM518.70 juta) bersamaan 1.25 sen seunit (2005: 1.75 sen seunit) sebagai bonus kepada pemegang unit berdasarkan purata baki minimum bulanan selama 10 tahun bermula Januari, 1997 sehingga Disember, 2006.

Pengagihan Pendapatan	2006	2005	2004
Sen seunit	7.30	7.25	7.25
RM Juta	3,492.06	3,026.62	2,701.24
Tarikh pembayaran	1 Januari, 2007	1 Januari, 2006	1 Januari, 2005

Bonus	2006	2005	2004
Sen seunit	1.25	1.75	2.00
RM Juta	400.89	518.70	549.00

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi masa lalu Tabung ASB bukanlah jaminan prestasi masa hadapan.

Tabung ASB telah memperolehi pendapatan dari sumber dividen kasar dari syarikat-syarikat pelaburan, keuntungan ternyata dari jualan pelaburan dan pendapatan dari lain-lain instrumen pasaran modal. Jumlah pendapatan adalah RM3,971.15 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006 berbanding RM3,443.84 juta pada tahun 2005.

Sumber Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2006 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2004 (RM Juta)
Dividen Kasar-			
Pelaburan disebut harga	1,788.97	2,991.60	1,667.18
Keuntungan Ternyata dari			
Jualan Pelaburan	1,939.47	341.91	1,301.02
Lain-lain Pendapatan	242.71	110.33	58.75
Jumlah Pendapatan	3,971.15	3,443.84	3,026.95

Perbandingan Prestasi Pulangan Tabung ASB Dengan Penanda Aras

Komponen ekuiti di dalam portfolio Tabung ASB menggunakan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) sebagai penanda aras. Komponen pelaburan di dalam instrumen jangka pendek pula menggunakan Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank (KLIBOR) sebagai penanda aras. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, kadar pulangan terwajar masa ("time-weighted rate of return") bagi pelaburan dalam ekuiti dan pelaburan instrumen jangka pendek, masing-masing adalah 21.22% (KLCI: 21.83%) dan 3.52% (KLIBOR: 3.65%).

Berdasarkan kepada struktur harga belian dan jualan Tabung ASB pada kadar RM1.00 seunit dan kemudahan berurusan secara "on-the-spot", prestasi pulangan pendapatan Tabung ASB perlu juga dibandingkan dengan instrumen pelaburan yang mempunyai struktur urusan niaga dan tahap risiko yang lebih kurang sama seperti simpanan tetap di syarikat perbankan.

Bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember, 2006, Tabung ASB telah mengagihkan pulangan pendapatan sebanyak 7.30 sen seunit atau 7.30 % dari harga belian dan jualan pada RM1.00 seunit, berbanding dengan kadar simpanan tetap setahun sebanyak 3.75%* (Sumber: Bank Negara Malaysia - BNM). Secara

keseluruhannya, Tabung ASB menunjukkan pulangan yang kompetitif serta memenuhi objektifnya iaitu untuk menjana pulangan jangka panjang kepada pemegang-pemegang unit.

Nota: * 30 November, 2006

STRATEGI PELABURAN

Di sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember, 2006, pihak Pengurus telah dapat melaksanakan strategi pelaburannya hasil dari pengamatan keadaan ekonomi dan pasaran semasa. Sejajar dengan objektif Tabung ASB, strategi pelaburan Tabung ASB telah dirangka untuk mengekalkan modal tabung disamping mengekalkan keupayaannya untuk mengagihkan pendapatan pada kadar yang kompetitif dalam jangka masa panjang kepada pemegang-pemegang unit.

Pada amnya Tabung ASB telah mengambil strategi pelaburan berhati-hati dan memastikan perumpukan aset yang strategik di antara ekuiti, pasaran wang dan sekuriti pendapatan tetap. Di antara faktor - faktor utama yang diambil kira dalam menentukan perumpukan aset yang strategik adalah potensi pertumbuhan ekonomi Malaysia dan serantau, potensi pulangan pasaran saham serta kadar pulangan sekuriti pendapatan tetap. Pengurus Tabung sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira perubahan asas - asas ekonomi, aliran kewangan dan keadaan pasaran saham tempatan dan dunia.

Pengurus Tabung sentiasa memastikan penilaian terhadap pemilihan sektor dan pemilihan saham adalah berdasarkan jangka pendek dan jangka panjang agar portfolio pelaburan dapat menjana pulangan pelaburan yang terbaik pada tahap risiko yang munasabah.

Pengurus Tabung telah mengambil pendekatan yang berhati-hati pada setengah tahun pertama sebelum mengambil pendekatan yang lebih agresif dan aktif dalam pasaran saham hasil daripada kenaikan pasaran saham yang amat memberangsangkan pada setengah tahun kedua.

Perumpukan Aset

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, sejumlah 81.24% (2005: 85.79%) dari jumlah pelaburan Tabung ASB adalah terdiri daripada pelaburan di pasaran ekuiti yang dilaburkan dalam 146 buah syarikat yang disebut harga dan juga 16 buah syarikat yang tidak disebut harga, manakala 18.76% (2005: 14.21%) adalah pelaburan di pasaran modal. Jumlah pelaburan di syarikat-syarikat yang disebut harga mewakili 77.91% daripada jumlah pelaburan Tabung ASB.

Komponen Aset Dalam Portfolio	2006 (%)	2005 (%)	2004 (%)
Pelaburan di Pasaran Ekuiti Disebut Harga/ Tidak Disebut Harga	81.24	85.79	90.20
Pelaburan di Pasaran Modal	18.76	14.21	9.80
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Perumpukan Pelaburan bagi Tabung ASB Mengikut Sektor Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2006 (%)	2005 (%)	2004 (%)

Pelaburan Ekuiti Disebut harga / Tidak Disebut Harga

Kewangan	41.63	44.06	45.50
Perkhidmatan/Perdagangan	32.86	27.79	27.39

bersambung

Sektor	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2006 (%)	2005 (%)	2004 (%)
Perladangan	8.69	8.32	7.87
Barangan Pengguna	6.02	7.04	7.37
Hartanah & Pembangunan	3.81	5.71	6.64
Barangan Industri	4.11	4.46	3.43
Lain-lain sektor	2.88	2.62	1.80
Jumlah	100.00	100.00	100.00

SENARAI 20 PELABURAN TERBESAR PADA NILAI PASARAN BERBANDING NILAI ASET BERSIH TABUNG PADA 31 DISEMBER, 2006

Bil	Syarikat	% Dari Nilai Aset Bersih Tabung
1	Malayan Banking Berhad*	34.62
2	Sime Darby Berhad	10.87
3	Tenaga Nasional Berhad	6.53
4	Golden Hope Plantations Berhad	4.79
5	Telekom Malaysia Berhad	4.38
6	UMW Holdings Berhad	3.10
7	MMC Corporation Berhad	2.21
8	Kumpulan Guthrie Berhad	1.86
9	Maxis Communications Berhad	1.65
10	Chemical Company of Malaysia Berhad	1.09
11	Island & Peninsular Berhad	1.03
12	NCB Holdings Berhad	1.00
13	Malaysian Industrial Development Finance Berhad	0.95
14	Carsem (M) Sdn. Berhad	0.88
15	MISC Berhad - Asing	0.86
16	British American Tobacco (Malaysia) Berhad	0.86
17	MNRB Holdings Berhad	0.80
18	Bumiputra-Commerce Holdings Berhad	0.76
19	Highlands & Lowlands Berhad	0.75
20	Fraser & Neave Holdings Berhad	0.73

Nota:

* Peratusan nilai pelaburan dalam Malayan Banking Berhad dari segi nilai aset bersih adalah seperti di atas untuk Tabung ASB, kiraan had pelaburan bagi setiap penerbit tunggal mestilah tidak melebihi 30% daripada harga kos nilai pelaburan seperti yang dizahirkan di dalam Prospektus Induk bertarikh 30 Jun, 2006 kerana ASB telah dikecualikan daripada menzahirkan nilai aset bersih pada harga pasaran.

PERBANDINGAN MAKLUMAT KEWANGAN BAGI TEMPOH 3 TAHUN

Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	2006	2005	2004
Unit Dalam Edaran (Juta)	53,523	46,704	41,880
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)	0.36	0.36	0.36
Pusing Ganti Portfolio (kali)	0.31	0.31	0.23

Nota:

- 1) Nisbah Perbelanjaan Pengurusan adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas bulanan. Perubahan antara Nisbah Perbelanjaan Pengurusan pada 31 Disember, 2006, dan pada 31 Disember, 2005, adalah tidak ketara.
- 2) Pusing Ganti Portfolio adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tahun kewangan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas bulanan. Perubahan antara Pusing Ganti Portfolio pada 31 Disember, 2006, dan pada 31 Disember, 2005, adalah tidak ketara.

HARGA BELIAN DAN JUALAN

Urus niaga Tabung ASB adalah pada kadar RM1.00 seunit untuk belian dan jualan di sepanjang tempoh tahun kewangan.

PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi Tabung ASB yang dikira berdasarkan pengagihan pendapatan setiap tahun adalah seperti berikut:-

Purata Pulangan	1 tahun	2 tahun	3 Tahun
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen)	7.30	7.28	7.27

Nota:- Pengiraan purata pulangan tahunan (min geometrik) adalah seperti berikut:

$$(a) [(1+r)^{1/n} - 1] \times 100$$

$$(b) \{[(1+r_1)(1+r_2)\dots(1+r_n)]^{1/n} - 1\} \times 100$$

r = jumlah pulangan

n = bilangan tahun

PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember, 2006, seramai 6,150, 028 Bumiputera telah menyertai Tabung ASB. Daripada jumlah tersebut seramai 6,025,066 adalah pemegang unit dewasa manakala 124,962 adalah pemegang unit remaja. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:-

Pecahan Pegangan Unit	Bilangan Pegangan Unit	Bilangan Unit
5,000 ke bawah	4,866,381	2,488,889,133
5,001 - 10,000	389,218	2,440,550,599
10,001 - 50,000	642,871	12,954,889,123
50,001 - 100,000	122,303	6,291,451,315
100,001 - 150,000	55,598	6,259,166,209
150,001 ke atas	73,657	19,071,283,274
Jumlah	6,150,028	49,506,229,653

PERUBAHAN YANG KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG DI DALAM TEMPOH KEWANGAN

Berkuatkuasa pada 1 Januari, 2007, beberapa perubahan telah dibuat terhadap ciri-ciri Tabung ASB, seperti berikut:-

1. Had umur Penjaga bagi Akaun Remaja adalah 18 tahun dan ke atas.
2. Pengagihan pendapatan dikira berdasarkan purata baki terendah bulanan (bermula dari hari pertama hingga hari terakhir) di sepanjang tempoh kewangan.

SITUASI YANG BOLEH MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan Tabung ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

KOMISYEN RINGAN (“Soft Commission”)

ASNB sebagai Pengurus dan PNB sebagai Pengurus Pelaburan Tabung ASB tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubung dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, berserta dengan nota-nota yang disediakan, memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember, 2006, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA menurut resolusi para Pengarah, bertarikh 30 Januari, 2007.

TAN SRI AHMAD SARI
BIN ABDUL HAMID

Pengerusi

TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH
BIN CHE OTHMAN

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA

AMANAH RAYA BERHAD, selaku Pemegang Amanah kepada SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), berpendapat bahawa AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus Unit Amanah telah menjalankan tanggungjawab mereka bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, seperti berikut:

- Unit Amanah ini telah diuruskan selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah dan peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Surat Ikatan, Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti (Garis Panduan), Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 dan undang-undang lain yang diterima pakai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah;
- Prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menetapkan harga unit SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA adalah mencukupi dan selaras dengan Surat Ikatan dan peruntukan undang-undang yang berkaitan;
- Jualan, pembelian balik, penjadian dan pembatalan unit SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA dilaksanakan selaras dengan Surat Ikatan, Garis Panduan dan lain-lain peruntukan undang-undang yang berkaitan; dan
- Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA adalah selaras dengan objektif Unit Amanah.

Yang benar

Untuk dan bagi pihak

AMANAH RAYA BERHAD

DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD

Pengerusi

Kuala Lumpur, Malaysia

LAPORAN JURUAUDIT

Pada 24 Januari, 2007, kami telah melaporkan pendapat kami ke atas penyata kewangan SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006. Di dalam laporan kami, kami menyatakan:

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 9 hingga 16. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab Pengurus Unit Amanah.

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat yang bebas, berdasarkan audit kami, mengenai penyata kewangan tersebut dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai satu badan, menurut Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak memegang tanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah samada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material. Audit termasuk memeriksa, melalui asas ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata-penyata kewangan. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember, 2006, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterima pakai di Malaysia kecuali bagi pengecualian daripada beberapa peruntukan seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Hanafiah Raslan & Mohamad
No. AF 0002
Akauntan Bertauliah

Abdul Rauf bin Rashid
No.2305/05/08 (J)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2006**

	Nota	2006 (RM)	2005 (RM)
PENDAPATAN			
Dividen kasar:			
Pelaburan disebut harga		1,673,182,041	2,880,603,225
Saham tidak disebut harga		115,786,093	111,005,931
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		1,939,471,543	341,906,003
Lain-lain pendapatan		<u>242,709,722</u>	<u>110,330,284</u>
		<u>3,971,149,399</u>	<u>3,443,845,443</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	4	178,479,300	156,862,000
Yuran Pemegang Amanah	5	500,000	500,000
Ganjaran juruaudit		18,000	18,000
Perbelanjaan pentadbiran		4,437,750	5,165,993
		<u>183,435,050</u>	<u>162,545,993</u>
PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		3,787,714,349	3,281,299,450
CUKAI	6	(6,977,896)	-
PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		<u>3,780,736,453</u>	<u>3,281,299,450</u>
PENDAPATAN BELUM DIAGIHKAN DIBAWA KE HADAPAN		<u>571,609,668</u>	<u>316,922,393</u>

bersambung

sambungan

	Nota	2006 (RM)	2005 (RM)
PENDAPATAN SEBELUM PENGAGIHAN		4,352,346,121	3,598,221,843
PERUNTUKAN PENGAGIHAN*	7	(3,492,059,470)	(3,026,612,175)
PENDAPATAN BELUM DIAGIHKAN DIHANTAR KE HADAPAN		<u>860,286,651</u>	<u>571,609,668</u>
Pendapatan selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		3,780,736,453	3,281,299,450
Tidak ternyata		-	-
		<u>3,780,736,453</u>	<u>3,281,299,450</u>

* Peruntukan pengagihan bagi tahun semasa adalah seperti berikut:

Pengagihan kasar dan bersih seunit	7.30 sen	7.25 sen
Tarikh pengagihan	<u>1 Januari, 2007</u>	<u>1 Januari, 2006</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2006

	2006 (RM)	2005 (RM)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Pendapatan sebelum cukai	3,787,714,349	3,281,299,450
Pelarasannya untuk:		
Dividen kasar	(1,788,968,134)	(2,991,609,156)
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	(1,939,471,543)	(341,906,003)
Lain-lain pendapatan	(242,709,722)	(110,330,284)
Akreasi diskaun	(8,011,447)	(962,463)
Pelunasan premium	335,099	1,905
Kerugian kendalian sebelum perubahan modal kerja	(191,111,398)	(163,506,551)
Pertambahan dalam tuntutan cukai	(85,060,768)	(146,733,077)
(Pertambahan)/pengurangan dalam penghutang	(16,885,760)	6,501,984
Pertambahan dalam pemiutang	21,940,264	37,355,988
Tunai digunakan dalam operasi	(271,117,662)	(266,381,656)
Pembelian pelaburan	(12,910,116,379)	(9,764,844,724)
Perolehan daripada jualan pelaburan	13,637,909,739	9,906,315,736
Dividen kasar diterima	2,401,691,245	2,285,486,226
Lain-lain pendapatan diterima	258,058,362	108,655,745
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	<u>3,116,425,305</u>	<u>2,269,231,327</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pengagihan dibayar	(1,926,614,047)	(1,052,869,712)
Tunai diterima daripada penjadian unit	2,274,175,445	1,382,672,085
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>347,561,398</u>	<u>329,802,373</u>
PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	3,463,986,703	2,599,033,700
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	6,961,865,569	4,362,831,869
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	<u>10,425,852,272</u>	<u>6,961,865,569</u>

bersambung

	2006 (RM)	2005 (RM)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	3,000	3,000
Instrumen pasaran kewangan	1,843,675,697	1,339,811,528
Simpanan berlandaskan prinsip Syariah	203,000,000	150,000,000
Simpanan dengan institusi kewangan	8,379,173,575	5,472,051,041
	<u>10,425,852,272</u>	<u>6,961,865,569</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER, 2006

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

SKIM AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (berikutnya dirujuk sebagai “Unit Amanah”) ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 21 Oktober, 1989, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNBN”), Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam “Pelaburan Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di bawah Klausa 1 Surat Ikatan. “Pelaburan Dibenarkan” termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 21 Oktober, 1989, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 23, Surat Ikatan.

ASNBN adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad (“PNB”). Kegiatan utama ASNBN ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hakmilik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei, 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNBN untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 30 Januari, 2007.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan yang teliti bagi prestasi syarikat-syarikat yang dilabur.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan/Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila dana yang ada tidak mencukupi bagi memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi. Sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkauan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko di mana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah, kecuali seperti yang dinyatakan di dalam dasar-dasar perakaunan di bawah dan menurut Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti yang di terima pakai di Malaysia kecuali bagi pengecualian daripada beberapa peruntukan seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(b) Pengecualian penzahiran

Unit Amanah dikecualikan daripada menzahirkan Penyata Aset dan Liabiliti dan Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih di dalam Laporan Tahunan Unit Amanah, di bawah peruntukan yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(c) Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan daripada Adaptasi Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards-“FRS”) yang Baru dan Disemak Semula

Polisi-polisi Perakaunan yang signifikan digunakan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember, 2006 adalah konsisten dengan penyata kewangan yang diaudit bagi tempoh berakhir 31 Disember, 2005 kecuali adaptasi kesemua FRSs yang baru dan disemak semula yang dikuatkuasakan kepada Unit Amanah bagi

tempoh kewangan bermula 1 Januari, 2006:

FRS 3 Penyatuan Perniagaan

FRS 101 Persembahan Penyata Kewangan

FRS 108 Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan

FRS 110 Peristiwa selepas Tarikh Penyata Aset dan Liabiliti

FRS 127 Penyatuan dan Pengasingan Penyata Kewangan

FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

FRS 132 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Persembahan

FRS 136 Penyusutan Aset

Adaptasi FRSs yang baru dan disemak semula yang dinyatakan di atas tidak memberikan kesan kewangan yang signifikan ke atas Unit Amanah kecuali adaptasi FRS 132 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan persembahan yang disemak semula.

(d) Pelaburan

Pelaburan dalam saham tidak disebut harga, saham disebut harga, waran dan Pelaburan Amanah Hartanah (Real Estate Investment Trusts- "REITs"), dinyatakan menurut harga kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Peruntukan rosot nilai yang kekal di dalam saham disebut harga dan unit amanah akan diiktirafkan di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Walau bagaimanapun, kaedah ekuiti perakaunan tidak di gunakan kerana Unit Amanah tidak mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasa dan mempengaruhi syarikat-syarikat tersebut disebabkan perkara-perkara berikut:

- (i) Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia menyatakan bahawa hak untuk mengundi yang mewakili saham-saham yang dipegang oleh Unit Amanah, pada bila-bila masa pemilihan untuk pelantikan mana-mana pengarah di dalam syarikat yang dipegang, boleh diputuskan oleh Pengurus Unit Amanah atau Pemegang Amanah dengan syarat pemegang-pemegang unit memberi kuasa melalui resolusi majoriti dalam mesyuarat pemegang-pemegang unit yang diadakan untuk tujuan ini sahaja, seperti yang diperuntukkan oleh surat ikatan.
- (ii) Surat Ikatan menyatakan bahawa korum bagi mesyuarat perlu dihadiri oleh pemegang-pemegang unit atau wakil-wakil yang didaftarkan di mana pegangan unit mereka yang hadir berjumlah tidak kurang dari satu per-empat daripada unit dalam edaran. Memandangkan jumlah pemegang-pemegang unit Unit Amanah yang terlalu ramai, adalah tidak munasabah untuk memanggil mesyuarat pemegang unit bagi tujuan memberi kuasa kepada Pengurus dan Pemegang Amanah menggunakan kuasa untuk mengundi pada mana-mana pemilihan untuk pelantikan pengarah disyarikat-syarikat berkenaan.

Memandangkan Unit Amanah tidak berupaya untuk membuat undian bagi tujuan mendapatkan wakil di dalam lembaga pendarah, Unit Amanah dianggap tidak berkeupayaan untuk menggunakan kuasa dan pengaruh yang signifikan ke atas syarikat-syarikat berkenaan.

Pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan berlandaskan prinsip Syariah dan simpanan dengan institusi kewangan adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan lazimnya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan-pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

(e) Jumlah terutang daripada/(kepada) broker saham

Jumlah terutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(f) Pendapatan belum terima

Pendapatan belum terima merangkumi pendapatan dividen, pendapatan dari pasaran wang dan lain-lain penghutang, dinyatakan pada nilai saksama.

(g) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(h) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan. Pendapatan dividen kasar daripada saham tidak disebut harga diambil kira pada tarikh penerimaan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa.

Keuntungan/pendapatan daripada sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan berlandaskan prinsip Syariah dan simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual.

(i) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(j) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam Penyata Aset dan Liabiliti merangkumi tunai di bank, pelaburan disebut harga, saham tidak disebut harga, sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, simpanan berlandaskan prinsip Syariah, instrumen pasaran kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, pendapatan keuntungan, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

4. YURAN PENGURUSAN

Klausa 25(8) Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1% setahun daripada nilai purata aset bersih Unit Amanah pada awal dan akhir tahun, dikira dan diakru secara bulanan seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006 ialah 0.35% setahun (2005: 0.35% setahun) daripada purata nilai aset bersih Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 25(7) Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2006 ditetapkan pada RM500,000 (2005: RM500,000).

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh

Menteri Kewangan mengikut bidang kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 1991 hingga tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Cukai pada tahun semasa berpunca daripada pendapatan dividen dari pelaburan di syarikat tempatan yang mengagihkan pendapatan yang diperolehi dari luar negara.

Tuntutan cukai merupakan cukai yang ditolak daripada punca atas pendapatan dividen yang diperolehi di Malaysia dan akan dituntut daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2006 (RM)	2005 (RM)
Peruntukan bagi tahun semasa	3,492,060,423	3,026,615,000
Lebih peruntukan tahun sebelumnya	(953)	(2,825)
	<u>3,492,059,470</u>	<u>3,026,612,175</u>

Peruntukan ini merupakan pengagihan yang disyorkan sebanyak 7.30 sen (2005: 7.25 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit bagi tahun berakhir 31 Disember, 2006. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber berikut:

	2006 (RM)	2005 (RM)
Dividen kasar:		
Pelaburan disebut harga	1,673,182,041	2,880,603,225
Saham tidak disebut harga	115,786,093	111,005,931
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	1,886,526,386	197,549,012
	<u>3,675,494,520</u>	<u>3,189,158,168</u>
Tolak: Perbelanjaan	(183,435,050)	(162,545,993)
Jumlah pengagihan	<u>3,492,059,470</u>	<u>3,026,612,175</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>7.30 sen</u>	<u>7.25 sen</u>

8. UNIT

	2006 (RM)	2005 (RM)
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:		
Pada 1 Januari	46,704,000,000	41,880,000,000
Tambah: Penjadian unit	6,819,000,000	4,824,000,000
Pada 31 Disember	<u>51,523,000,000</u>	<u>46,704,000,000</u>

Sepanjang tahun berakhir dan pada 31 Disember, 2006, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember, 2006, PNB memegang 4,016,770,347 (2005: 2,570,683,427) unit bernilai RM1 setiap satu yang merangkumi 7.5% (2005: 5.5%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

Termasuk di dalam penjadian unit untuk tahun ini adalah 969,000,000 (2005: 52,000,000) unit bernilai RM1.00 setiap satu, dijadikan bagi tujuan pelaburan semula unit dari pengagihan pendapatan tahun sebelumnya.

9. URUSNIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM

Sepuluh syarikat broker saham terbesar mengikut nilai urusanniaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Urus Niaga (RM)	(%)	Yuran Broker (RM)	(%)
Aseambankers Malaysia Berhad*	1,717,665,661	21.17	3,178,852	20.63
MIDF Amanah Investment Bank Berhad	663,180,672	8.17	1,256,703	8.16
ECM Libra Avenue Securities Sdn. Berhad *	655,738,132	8.08	1,219,373	7.92
CIMB Investment Bank Berhad *	564,763,600	6.96	955,269	6.20
OSK Securities Berhad *	455,350,866	5.61	856,704	5.56
RHB Investment Bank Berhad *	397,743,199	4.90	793,613	5.14
Affin Investment Bank Berhad *	375,521,499	4.63	753,064	4.88
Hwang-DBS Securities Berhad *	366,360,279	4.51	735,930	4.78
Alliance Investment Bank Berhad	362,490,270	4.47	602,263	3.91
AmSecurities Sdn. Bhd.*	344,814,204	4.25	695,471	4.52
Lain-lain	2,211,177,038	27.25	4,360,360	28.30
	8,114,805,420	100.00	15,407,602	100.00

ASNB mahupun PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

10. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2006	2005
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	<u>0.31 kali</u>	<u>0.31 kali</u>

PGP adalah nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tahun kewangan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas bulanan.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos berpandukan asas bulanan kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit dan oleh kerana itu nilai Unit Amanah tidak dikira berpandukan asas harian.

Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berpandukan asas bulanan, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

11. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2006	2005
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	<u>0.36 %</u>	<u>0.36 %</u>

NPP adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas bulanan.

Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berpandukan asas bulanan, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

12. MATAWANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

LAPORAN PENGURUS

KATEGORI TABUNG

Ekuiti.

JENIS TABUNG

Pertumbuhan.

OBJEKTIF TABUNG

Objektif Tabung ASN adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui kepelbagaian portfolio pelaburan.

POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung ASN adalah melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan terdiri daripada ekuiti, wang tunai, tabung pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk di dalam Suratikatan.

PRESTASI TABUNG ASN

Tabung ASN telah berupaya mencapai objektif pelaburannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, di mana ia telah mengagihkan pendapatan kasar dan bersih sebanyak 5.50 sen seunit yang dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang-pemegang unit pada 1 Januari, 2007, berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) pada 31 Disember, 2006, setelah mengambil kira pengagihan pendapatan tersebut.

Pengagihan Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006 Tabung ASN telah memperuntukkan sejumlah RM94.07 juta (2005 : RM99.50 juta) untuk pembayaran pengagihan pendapatan, iaitu bersamaan dengan 5.50 sen seunit (2005 : 5.50 sen seunit).

Pengagihan Pendapatan	2006	2005	2004
Sen seunit	5.50	5.50	5.60
RM Juta	94.07	99.50	104.36
Tarikh pembayaran	1 Januari, 2007	1 Januari, 2006	15 Januari, 2005

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan, jika dibayar, mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung ASN masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

Kesan ke atas NAB seunit selepas pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006, adalah seperti berikut :-

	(RM)
NAB seunit sebelum pengagihan pendapatan.	0.8343
Tolak : Pengagihan pendapatan (sen seunit)	5.50
NAB seunit selepas pengagihan pendapatan.	0.7793

Tabung ASN telah memperolehi pendapatan dari sumber dividen kasar dari syarikat pelaburan, keuntungan ternyata dari jualan pelaburan, dan pendapatan dari lain-lain instrumen pasaran modal. Jumlah pendapatan adalah RM114.86 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2006 berbanding RM111.48 juta pada tahun 2005.

Sumber Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2006 (RM juta)	2005 (RM juta)	2004 (RM juta)
Dividen Kasar	43.59	73.35	38.08
Keuntungan Ternyata dari Jualan Pelaburan	66.63	32.94	74.82
Lain-lain Pendapatan	4.64	5.19	7.51
Jumlah Pendapatan	114.86	111.48	120.41

PERBANDINGAN PRESTASI KOMPONEN ASET DALAM PORTFOLIO TABUNG ASN DENGAN PENANDA ARAS

Komponen ekuiti atau saham yang disebut harga di dalam portfolio Tabung ASN menggunakan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) sebagai penanda aras manakala komponen pelaburan di dalam instrumen jangka pendek menggunakan Kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank (KLIBOR) sebagai penanda aras. Bagi tempoh kewangan yang berakhir pada 31 Disember, 2006, kadar pulangan terwujud masa ("time-weighted rate of return") dari pelaburan dalam ekuiti atau saham yang disebut harga dan pasaran instrumen jangka pendek adalah masing-masing 40.27% (KLCI: 21.83%) dan 3.52% (KLIBOR: 3.65%). Jumlah pulangan Tabung ASN, pada keseluruhannya ialah 35.60%.

STRATEGI PELABURAN

Selaras dengan objektif pelaburannya iaitu untuk mencapai pulangan yang berpatutan melalui pulangan modal dan pengagihan pendapatan dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang, Pengurus Tabung sentiasa memastikan aset-aset dilaburkan di dalam portfolio yang dipelbagaikan berdasarkan pengagihan aset yang strategik. Tabung juga telah melalui proses penstrukturkan-semula yang berterusan ke atas komposisi aset pelaburannya supaya potensi pulangan dari setiap aset yang dilaburkan sentiasa bersesuaian dengan tahap risikonya.

Manakala untuk pelaburan ekuiti, penekanan diberi kepada sektor-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi disamping mengurangkan pendedahan kepada sektor-sektor yang sebaliknya. Pemilihan saham-saham dilakukan berdasarkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif seperti penilaian dan analisis kewangan syarikat. Analisis teknikal pula telah digunakan bagi memastikan strategi pelaburan keseluruhannya dilakukan pada masa yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi potensi pulangan pelaburan.

Perumpukan Aset

Melalui perumpukan aset strategik, pendedahan kepada risiko pasaran diuruskan dengan mengubah perumpukan aset di dalam portfolio yang terdiri dari ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan oleh Suratiktan. Di dalam pasaran menaik umpamanya, perumpukan aset akan lebih ditumpukan kepada ekuiti.

Pada 31 Disember, 2006, sejumlah 73.39% (2005: 95.34%) aset Tabung ASN adalah terdiri daripada pelaburan ekuiti, yang dilaburkan dalam 54 buah syarikat yang disebut harga, manakala 26.61% (2005: 4.66%) adalah pelaburan di pasaran modal dan lain-lain aset bersih.

Komponen Aset Dalam Portfolio	2006 (%)	2005 (%)
Pelaburan di pasaran Ekuiti	73.39	95.34
Pelaburan dalam lain-lain instrumen Pasaran Modal dan Aset Bersih	26.61	4.66
Jumlah	100.00	100.00

Tumpuan pelaburan adalah kepada sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang lebih baik daripada penanda aras dan berdaya tahan. Tabung ASN juga telah melabur di dalam sektor-sektor berdasarkan prospek ekonomi dan tema pelaburan semasa yang menjurus kepada perkembangan sektor tersebut.

Perumpukan Aset Bagi Tabung ASN Mengikut Sektor Berdasarkan Nilai Aset Bersih Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Sektor	(RM'000)		
	2006	2005	2004
Pelaburan ekuiti disebut harga			
Barangan Pengguna	27,236	101,412	129,328
Pembinaan	47,877	43,743	74,292
Barangan Industri	42,317	20,089	81,940
Hartanah	7,556	7,779	24,970
Perladangan	78,158	-	23,352
Perdagangan/Perkhidmatan	341,049	398,987	473,077
Kewangan	398,187	454,231	220,015
Infrastruktur	6,937	7,507	-
Teknologi	28,485	31,124	46,980
Unit Amanah	364	-	-
Jumlah	978,166	1,064,872	1,073,954

Pelaburan di pasaran modal dan lain-lain aset bersih

Pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga	-	19,665	-
Lain-lain pelaburan pasaran modal dan aset bersih	449,321	32,342	225,037
Jumlah	449,321	52,007	225,037

Pemilihan ekuiti berdasarkan penilaian ke atas analisis fundamental termasuk potensi pertumbuhan ekonomi yang positif, keuntungan syarikat yang memberangsangkan, kedudukan kewangan syarikat yang kukuh, kualiti pengurusan yang mantap serta pulangan dividen yang menarik. Analisis teknikal juga diambil kira bagi menentukan masa yang sesuai bagi membuat pelaburan ke atas saham-saham yang dipilih.

PERBANDINGAN MAKLUMAT KEWANGAN BAGI TEMPOH 3 TAHUN

Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	2006	2005	2004
Harga Jualan - Tertinggi (RM)	0.8326	0.7120	0.7634
- Terendah (RM)	0.6144	0.6510	0.6631
Harga Belian - Tertinggi (RM)	0.7910	0.6764	0.7252
- Terendah (RM)	0.5837	0.6185	0.6299
Sebelum Pengagihan Pendapatan			
- NAB (RM'000)	1,426,919	1,216,380	1,403,347
- NAB seunit (RM)	0.8343	0.6724	0.7531

bersambung

Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember	2006	2005	2004
Selepas Pengagihan Pendapatan			
- Kadar (sen)	5.50	5.50	5.60
- NAB (RM'000)	1,332,852	1,116,879	1,298,991
- NAB seunit (RM)	0.7793	0.6174	0.6971
- Harga Jualan (RM)	0.7793	0.6174	0.6971
- Harga Belian (RM)	0.7403	0.5865	0.6622
- Unit Dalam Edaran ('000)	1,710,300	1,809,100	1,863,500
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.08	1.09	1.08
Pusing Ganti Portfolio (x) ²	1.00	0.51	0.51
Pulangan:			
- Pulangan Pendapatan (%) ³ ("Yield")	7.43	9.38	8.46
- Pulangan Modal (%) ⁴	26.22	(11.43)	2.62
- Jumlah Pulangan (%) ⁵	35.60	(3.13)	11.30

Nota :- 1) Nisbah Perbelanjaan Pengurusan adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Tabung ASN dengan purata NAB Tabung ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

2) Pusing Ganti Portfolio adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tahun kewangan dengan purata NAB Tabung ASN untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

